



SIARAN AKHBAR

**ISLAMIC FINANCIAL SERVICES BOARD ANNUAL MEETINGS 2014:
24th MEETING OF THE IFSB COUNCIL
BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM
25 JAMADILAWAL 1435 BERSAMAAN 27 MAC 2014**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) selaku Pengerusi Islamic Financial Services Board (IFSB) bagi tahun 2014 dan telah menjadi tuan rumah kepada *The 24th Meeting of the IFSB Council* dan 12th IFSB General Assembly. Mesyuarat tersebut diadakan pada hari Khamis, 25 Jamadilawal 1435 bersamaan dengan 27 Mac 2014 di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong, Negara Brunei Darussalam.
2. Mesyuarat berkenaan telah dipengerusikan oleh Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd Rosli bin Haji Sabtu, Pengarah Urusan AMBD dan dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Dr. Ahmad Mohamed Ali Al Madani, Presiden Islamic Development Bank (IDB), 18 gabenor dan wakil-wakil gabenor dari IFSB Council serta 7 orang wakil ahli penuh IFSB. Antara perkara-perkara yang dibincangkan adalah berhubung dengan pengendalian operasi, isu-isu kewangan serta pelan kerja dan inisiatif-inisiatif IFSB bagi tahun 2014.
3. *24th Meeting of the Council* telah diikuti oleh *12th IFSB General Assembly* yang telah dihadiri oleh ahli-ahli majlis penuh IFSB, ahli-ahli penuh, ahli-ahli associate dan ahli-ahli pemerhati.
4. *Islamic Financial Services Board (IFSB)* berpejabat di Kuala Lumpur, Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2002. IFSB adalah badan penetapan piawaian antarabangsa bagi agensi-agensi pengawalseliaan yang mempunyai kepentingan dalam memastikan kekukuhan dan kestabilan industri perkhidmatan kewangan Islam, yang mana termasuk perbankan, pasaran modal dan insurans. Pada 31 Disember 2013, IFSB mempunyai seramai 185 ahli, terdiri daripada 58 buah agensi-agensi pengawalseliaan, 8 buah organisasi inter-governmental antarabangsa, 112 buah institusi-institusi kewangan dan firma-firma profesional dan juga organisasi pengawalseliaan sendiri (*self-regulatory organisations*) yang beroperasi dalam 45 buah yuridiksi.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh : 25 Jamadilawal 1435 / 27 Mac 2014

Rujukan : AMBD/IFSB/2014